<input type="checkbox"/> Tamat Sekolah Rendah	<input type="checkbox"/> Kolej / Politeknik
<input type="checkbox"/> SRP/ PMR	<input type="checkbox"/> Universiti
<input type="checkbox"/> SPM / SPVM / STPM	<input type="checkbox"/> Tidak Bersekolah

9. Tempat / kawasan Kediaman

Mukim / kampung : .....

Kawasan : .....

Daerah : ALOR GAJAH / MELAKA TENGAH / JASIN

10. Pernahkah anda terlibat dalam kemalangan ?	YA .....	TIDAK .....
11. Pernahkah anda menerima SAMAN ?	YA .....	TIDAK .....

**TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA**



## LAMPIRAN E

Kemalangan Jalan Raya Mengikut Kumpulan Umur Negeri Melaka, 2006.

Kumpulan Umur (Tahun)	MATI	CEDERA PARAH	CEDERA RINGAN	TIDAK PASTI	JUMLAH
0- 5	5	5	29	0	39
6-10	4	6	56	0	66
11-15	11	12	37	0	60
16-20	48	58	286	0	392
21-25	44	44	212	0	300
26-30	18	34	96	0	148
31-35	12	17	62	0	91
36-40	12	15	71	0	98
41-45	10	19	79	0	108
46-50	18	17	61	0	96
51-55	15	8	39	0	62
56-60	13	7	34	0	54
61-65	10	6	21	0	37
66-70	5	6	23	0	34
71-75	7	0	12	0	19
76-80	8	2	3	0	13
Lebih 80	1	4	7	0	12
Tidak pasti	0	6	24	0	30
JUMLAH	249	266	1152	0	1667

Sumber : Ibu Pejabat Cawangan Polis Trafik Negri Melaka, PDRM 2007

## LAMPIRAN F

Kemalangan Jalan Raya Mengikut Kumpulan Umur di Malaysia, 2005.

Kumpulan Umur (Tahun)	MATI	CEDERA PARAH	CEDERA RINGAN	JUMLAH
0- 5	113	225	103	441
6-10	168	525	129	822
11-15	249	794	272	1,315
16-20	1,131	2,389	904	4,424
21-25	906	1,556	625	3,087
26-30	596	1,016	447	2,059
31-35	410	695	324	1,429
36-40	360	634	265	1,259
41-45	348	555	199	1,102
46-50	322	500	177	999
51-55	239	314	92	645
56-60	209	285	74	564
61-65	226	242	61	529
66-70	188	141	32	361
71-75	135	104	15	254
Lebih 75	123	83	9	215
<b>JUMLAH</b>	<b>5,723</b>	<b>10,058</b>	<b>3,728</b>	<b>19,509</b>

Nota : Jumlah Kemalangan Dalam Fail =20,375

Bilangan tidak diketahui = 866

Sumber : Diubahsuai daripada Perangkaan Kemalangan Jalan Raya, PDRM 2006

**LAMPIRAN G**  
**ROAD TRAFFIC RULES 1959**  
**LN 166/59**

LN166/59	RULE 3(1) MEMANDU KENDERAAN DI LORONG SEBELAH KANAN (LALUAN KENDERAAN DARI ARAH DEPAN)
LN166/59	RULE 3(2)(A) TIADA MEMBERI LALUAN KEPADA KENDERAAN DI SEBELAH KANAN SEMASA SAMPAI ATAU DALAM BULATAN
LN166/59	RULE 3(2)(B) TIADA MEMBERI LALUAN KEPADA KENDERAAN YANG BERJALAN TERUS SEBELUM MELINTASI LALUAN KENDERAAN ITU
LN166/59	RULE 4 MEMANDU PERLAHAN DISEBELAH KANAN JALAN DAN MENGHALANG KENDERAAN YANG LEBIH LAJU
LN166/59	RULE 5 MEMOTONG LALULINTAS DI SEBELAH KIRI
LN166/59	RULE 6(1) MEMOTONG DENGAN CARA YANG BAHAYA
LN166/59	RULE 6(1) MEMOTONG KENDERAAN MENYEBABKAN KESUSAHAN KEPADA PENGGUNA JALAN YANG LAIN ( POTONG Q)
LN166/59	RULE 6(1) MEMOTONG KENDERAAN DI KAWASAN SELEKOH
LN166/59	RULE 6(1) MEMOTONG KENDERAAN DI KAWASAN BUKIT
LN166/59	RULE 6(1) MEMOTONG KENDERAAN DIMANA PENGLIHATAN TERHALANG
LN166/59	RULE 6(2) TIDAK MEMBENARKAN KENDERAAN LAIN MEMOTONG DENGAN MELAJUKAN KENDERAAN ATAU CARA YANG LAIN
LN166/59	RULE 7(1) TIDAK RAPAT KESEBELAH KIRI JALAN SEMASA HENDAK BELOK KE KIRI
LN166/59	RULE 7(1) TIDAK RAPAT KESEBELAH KIRI JALAN SETELAH BELOK KE KIRI

LN166/59	RULE 7(2) TIDAK RAPAT KESEBELAH TENGAH JALAN SEMASA HENDAK BELOK KE KANAN
LN166/59	RULE 7(2)(A) TIDAK MELEPASI PERTENGAHAN SIMPANG JALAN SEBELAH KANAN SEMASA HENDAK BELOK KE KANAN
LN166/59	RULE 7(2)(B) LN TIDAK RAPAT KESEBELAH KIRI JALAN SETELAH BELOK KE KANAN
LN166/59	RULE 8(1) TIDAK MEMATUHI LORONG YANG BETUL SEMASA DI PERSIMPANGAN 3 LORONG
LN166/59	RULE 8(2) TIDAK MEMATUHI LORONG YANG BETUL SEMASA DIPERSIMPANGAN 2 LORONG
LN166/59	RULE 8(3) TAK MENGIKUT TANDA ISYARAT DI ATAS LORONG
LN166/59	RULE 8A MENYEBABKAN KENDERAAN MENUNGGU DIATAS PETAK KUNING
LN166/59	RULE 9(2) TIDAK RAPAT KESEBELAH KIRI JALAN APABILA DENGAR BUNYI SIREN
LN166/59	RULE 9(2) TIDAK BERHENTIKAN KENDERAAN DI SEBELAH KIRI JALAN SETELAH DENGAR BUNYI SIREN
LM 166/50	RULE 9(2) TIDAK MEMBERI LALUAN KEPADA KENDERAAN AMBULANS, BOMBA, KASTAM , JPJ ATAU KENDERAAN POLIS
LN166/59	RULE 10 MEMANDU KENDERAAN TIDUR SEMASA MEMANDU ATAU LALAI MENGAWAL PERGERAKKAN KENDERAAN DENGAN BAIK
LN166/59	RULE 10A(1) MENJUAL SESUATU KEPADA ORANG DALAM KENDERAAN DI PERSIMPANGAN JALAN ATAU DI ATAS JALAN
LN166/59	RULE 10A(2) CUBA MEMBELI ATAU MEMBELI SESUATU SEMASA BERADA DALAM KENDERAAN DI PERSIMPANGAN JALAN ATAU DI ATAS JALAN

LN166/59	RULE 11 BAWAH UMUR 12 TAHUN MENAWASI KENDERAAN SELAIN DARI BASIKAL
LN166/59	RULE 11 KANAK-KANAK MENUNGGANG BASIKAL TANPA KAKINYA SAMPAI DI TEMPAT PENGAYUH
LN166/59	RULE 12(1) MELETAKKAN KENDERAAN DALAM 30 KAKI DARI SIMPANG/SELEKOH
LN166/59	RULE 12(2) MELETAKKAN KENDERAAN DALAM 10 KAKI DARI PILI BOMBA (FIRE HYDRANT)
LN166/59	RULE 12(3) MELETAKKAN KENDERAAN DALAM 30 KAKI DARI ISYARAT PERHENTIAN BAS
LN166/59	RULE 12(4) MELETAKKAN KENDERAAN DENGAN CARA BAHAYA ATAU MENGHALANG PENGGUNA JALAN YANG LAIN
LN166/59	RULE 13 MEMBUAT 'U-TURN' SELAIN DARI TEMPAT YANG DIBENARKAN
LN166/59	RULE 14(1)(A) TIADA MATIKAN INJIN TATKALA MENINGGALKAN KENDERAAN
LN166/59	RULE 14(1)(B) TIADA MEMASANG BREK TATKALA MENINGGALKAN KENDERAAN
LN166/59	RULE 15 MELETAKKAN KENDERAAN DALAM TEMPOH MASA YANG TIDAK BERPATUTAN BAGI PUNGAH/MENUNGAH BARANG (LOADING/ UNLOADING)
LN166/59	RULE 16(1) MELETAKKAN KENDERAAN MENYEBABKAN HALANGAN YANG TIDAK DIKEHENDAKI
LN166/59	RULE 16(2) MELETAKKAN KENDERAAN TIDAK RAPAT DAN TIDAK SELARI DISEBELAH KIRI JALAN
LN166/59	RULE 16(3) MELETAK KENDERAAN TIDAK MENGIKUT HALUAN
LN166/59	RULE 17 KEDUDUKAN PEMANDU SEMASA MEMANDU TIDAK MEMBOLEHKAN KENDERAAN DIKAWAL DENGAN SEMPURNA

LN166/59	RULE 17 KEDUDUKAN PEMANDU SEMASA MEMANDU TIDAK MEMBOLEHKAN MELIHAT JALAN DAN LALULINTAS DI DEPAN
LN166/59	RULE 17 KEDUDUKAN PEMANDU SEMASA MEMANDU TIDAK MEMBOLEHKAN MEMBERI ISYARAT KEPADA LALULINTAS DI BELAKANG
LN166/59	RULE 17A MENGUNAKAN TELEFON BIMBIT/SET PERHUBUNGAN RADIO SEMASA MEMANDU KENDERAAN
LN166/59	RULE 17B(1) MEMOTONG KENDERAAN DI GARISAN KEMBAR
LN166/59	RULE 17B(1) MENYEBABKAN KENDERAAN MENYERBANGI GARISAN BERKEMBAR
LN166/59	RULE17(B)(2) MEMOTONG KENDERAAN DI GARISAN PANJANG DAN PUTUS-PUTUS
LN166/59	RULE17(B)(2) MENYEBABKAN KENDERAAN MELEPASI GARISAN PANJANG DAN PUTUS-PUTUS
LN166/59	RULE17(B)(3) MELETAKKAN KENDERAAN DI SEBELAH GARISAN BERKEMBAR / GARISAN PANJANG DAN BERPUTUS-PUTUS
LN 166/59	RULE 17(C ) (1) MEMANDU KENDERAAN DI LORONG BAS
LN 166/59	RULE 17(C ) (2) PEMANDU BAS TIDAK MEMANDU DI LORONG BAS
LN 166/59	RULE 17(C ) (4) (A) PEMANDU BAS MENYEBABKAN KENDERAAN MELEPASI GARSIAN KUNING DI LORONG BAS
LN 166/59	RULE 17(C ) (4) (B) PEMANDU TAXI./LIMOUSINE SETELAH BERADA DALAM LORONG BAS MENYEBABKAN KENDERAAN MELEPASI GARSIAN KUNING ATAU KELUAR DARI LORONG BAS
LN 166/59	RULE 17(C ) (4) (C) PEMANDU TAXI./LIMOUSINE SELAIN DARI YANG SUDAH BERADA DALAM LORONG BAS, MENYEBABKAN KENDERAAN MELEPASI GARSIAN KUNING DAN MASUK DALAM LORONG BAS

LN 166/59	RULE 17(C ) (4) (D) PEMANDU KENDERAAN SELAIN DARI BAS/LIMOUSINE MASUK DALAM LORONG BAS
LN166/59	RULE 18 MEMBAWA MUATAN DI ATAS KENDERAAN DENGAN CARA MERBAHAYAKAN KEPADA KENDERAAN LAIN ATAU ORANG
LN166/	RULE 19 MUATAN JATUH DARI KENDERAAN
LN166/59	RULE 20 MENGUNAKAN <b>KENDERAAN</b> SELIAN DARI TUJUAN DIBINA ATAU TIDAK SESUAI SERTA MEMBAHAYAKAN PENGGUNA JALANRAYA
LN 166/59	RULE 21 MENGUNAKAN <b>KENDERAAN MOTOR DENGAN</b> MUATAN YANG MELEBIHI DIBAHAGIAN BELAKANG, DEPAN DAN TEPI.KENDERAAN
LN166/59	RULE 22 TIADA MENUTUP PAPAN TEPI ATAU BELAKANG KENDERAAN
LN 166/59	RULE 23 BINATANG DITARIK/DIHALAU DI JALAN ANTARA JAM 1845 HRS HINGGA 0645 HRS TANPA DIJAGAI OLEH ORANG DEWASA DAN TIDAK MEMBAWA LAMPU
LN 166/59	RULE 24 MENARIK/MENUNGGANG /MEMBAWA BINATANG DIATAS JALAN TANPA DIKAWAL DENGAN BAIK HINGGA MENDATANGKAN GANGGUAN/BAHAYA KEPADA LALULINTAS
LN 166/59	RULE 29 TIDAK MENGIKAT DENGAN BAIK KEPALA BINATANG APABILA DITARIK DIATAS JALAN MENGIKAT LEBIH DARI TIGA BINATANG ALAM SATU KMUPULAN
LN 166/59	RULE 31 LEBIH DARI 12 BINATANG DITARIK DALAM SATU KUMPULAN DIATAS JALAN
LN 166/59	RULE 32 HUJUNG TANDUK KERBAU TIDAK DIPALANG SEMASA BERADA DIATAS JALAN RAYA
LN 166/59	RULE 33 (1) MENINGGALKAN BINATANG DI JALANRAYA TANPA DIKAWAL
LN 166/59	RULE 33 (2) MENJUAL/MENYEWA/MENUNJUKKAN PERTUNJUKKAN BINATANG DI ATAU TEPI JALANRAYA

LN166/59	RULE 33 (3) MENAMBATKAN BINATANG DI ATAU TEPI JALAN RAYA
LN166/59	RULE 35(1) MEMANDU KENDERAAN TIDAKMENYALAKAN LAMPU DARI MASA MATAHRI TENGELAM HINGGA TERBIT
LN166/59	RULE 35(2) MENUNGGANG BASIKAL TANPA PASANG LAMPU WAKTU MALAM HARI
LN166/59	RULE 35(3) MENUNGGANG BASIKAL TANPA LAMPU MERAH DIBELAKANG WAKTU MALAM HARI
LN166/59	RULE 35(4) MEMASANG LAMPU SELAIN DARIPADA LAMPU PUTIH WAKTU MALAM HARI
LN166/59	RULE 37(1) PEMANDU KENDERAAN GAGAL MEMBERI LALUAN KEPADA PEJALAN KAKI DI LALUAN JALAN KAKI
LN166/59	RULE 38 BERHENTI KENDERAAN DI LALUAN PEJALAN KAKI
LN166/59	RULE 41 PEJALAN KAKI BERLEKA DI TEMPAT MENYERBANG PEJALAN KAKI
LN166/59	RULE 42(1)(A) PENUNGGANG BASIKAL/TRICYCLE TANPA BREK YANG BAIK
LN166/59	RULE 42(1)(A) PENUNGGANG BASIKAL/TRICYCLE TANPA LOCENG YANG FUNGSI
LN166/59	RULE 42(1)(B) MENUNGGANG BASIKAL DUDUK SECARA LAIN DARIPADA BERCELEPAK
LN166/59	RULE 42(1)(C) MENUNGGANG BASIKAL MEMBAWA BARANG SEBELAH TANGAN
LN166/59	RULE 42(1)(D) MENUNGGANG BASIKAL DENGAN KEDUA-DUA TANGAN TIDAK MEMEGANG PEMEGANG
LN166/59	RULE 42(2) MEMBAWA PENUMPANG SEMASA MENUNGGANG BASIKAL
LN166/59	RULE 42(3) MENUNGGANG BASIKAL SECARA BERSAING



LN166/59	RULE 42(4) MENUNGGANG BASIKAL DENGAN MENUTUP KEPALA DENGAN KAIN YANG MENGHALANG PENGLIHATAN
LN166/59	RULE 45 PEJALAN KAKI TIDAK GUNAKAN JEJANTAS
LN166/59	RULE 46 (1) SELAIN DARIPADA PEJALAN KAKI MENGGUNAKAN TEMPAT PEJALAN KAKI
LN166/59	RULE 46 (2) PEJALAN KAKI MELINTAS SECARA PEPENJURU DI PENYLIANG ATAU SIMPANG JALAN
LN166/59	RULE 47A KENDERAAN DITINGGALKAN / DIPARKING TANPA MEMASANG BREK
LN166/59	RULE 48(1) MEMBAIKI KENDERAAN DIATAS JALAN SELAIN DARIPADA KECEMASAN
LN166/59	RULE 48(2) MENCUCI KENDERAAN ATAU BINATANG DI ATAS JALAN TEMPAT PEJALAN KAKI
LN166/59	RULE 49(1) MEMPAMIRKAN KENDERAAN/BINATANG DI JALAN AWAM TANPA KEBENARAN KPD
LN166/59	RULE 50 SEORANG BERADA DIATAS JALAN DAN MENGHALANGAN LALU LINTAS
LN166/59	RULE 50 MENGHALANG LALULINTAS DI ATAS JALAN DENGAN MELETAKKAN SESUATU /BARANGAN
LN166/59	RULE 51 RUJUK KEPADA SEK 52 APJ 1987 AKTA 333
LN166/59	RULE 52 PEMANDU/PENUMPANG MEMBUANGKAN SESUATU/BARANGAN DARI KENDERAAN
LN166/59	RULE 53 (1) MEMANDU KENDERAAN DILORONG KECEMASAN
LN166/59	RULE 53 (1) MENUNDA KENDERAAN DILORONG KECEMASAN

- |          |  |
|----------|--|
| LN166/59 | RULE 53 (1)<br>MENOLAK KENDERAAN DILORONG KECEMASAN                      |
| LN166/59 | RULE 53 (1)<br>MELETAK KENDERAAN DILORONG KECEMASAN                      |
| LN166/59 | RULE 53 (1)<br>MENINGGALKAN KENDERAAN TANPA JAGAAN DILORONG<br>KECEMASAN |

**TRAFFIC SIGNS (SIZE, COLOUR AND TYPE) RULES 1959**  
**L.N. 167/59**

- |          |  |
|----------|--|
| LN167/59 | RULE 12(3)<br>KESALAHAN-KESALAHAN DI DUA GARISAN BERKEMBAR<br>(MEMOTONG/PARKING/'U' TURN/KELUAR SIMPANG/DLL) |
| LN167/59 | RULE 12(3)(A)<br>MEMOTONG DIDUA GARISAN BERKEMBAR  |
| LN167/59 | RULE 12(3)(B)<br>MEMOTONG DIGARISAN PANJANG  |
| LN167/59 | RULE 12(3)(C)<br>MELETAKKAN KENDERAAN DIGARISAN BERKEMBAR  |
| LN167/59 | RULE 17<br>TIDAK MEMATUHI PERATURAN DILAMPU ISYARAT  |

# **BAB SATU**

## **Pengenalan**

### **1.1. Pendahuluan**

Bidang pengangkutan memainkan peranan penting dalam menyelaras segala program pembangunan sesebuah negara. Sektor pengangkutan bukan sahaja merupakan penawaran perkhidmatan yang produktif dan berpotensi, tetapi juga merupakan penawaran kemudahan mod pergerakan umum dalam pelbagai jenis dan bentuk bersesuaian dengan kehendak kemajuan masyarakat. Malah dewasa ini pengangkutan merupakan keperluan dalam kemudahan pergerakan manusia dan barangan yang perlu dimiliki dan menjadi asas utama dalam kehidupan seharian. Dengan perkembangan aktiviti manusia yang kian meningkat dan bertambah kompleks melalui pelbagai fungsi dan aktiviti seharian secara tidak langsung meningkatkan keperluan permintaan terhadap pelbagai jenis kenderaan.

Serentak dengan itu, jumlah kenderaan di jalan raya juga meningkat dengan pesatnya pada setiap tahun. Di Malaysia, mengikut statistik Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah kenderaan pada tahun 1981 ialah 2,901,182. Dua puluh lima tahun kemudian ia meningkat kepada 15,026,660 pada tahun 2005 pertambahan sebanyak 417.9 peratus. Dengan bertambahnya bilangan kenderaan secara berterusan di negara kita ketika ini seperti juga di negara-negara lain terutama di bandar-bandar utama dan di jalan-jalan raya utama secara langsungnya telah menimbulkan pelbagai isu dan permasalahan lalu lintas khususnya kemalangan jalan raya. Banyak masalah sosial dan ekonomi yang serius telah timbul mutakhir ini dengan meningkatnya jumlah kemalangan jalan raya. Kejadian kemalangan jalan raya merupakan salah satu masalah utama negara

ketika ini yang melibatkan pelbagai aspek sosio-ekonomi. Kehilangan nyawa manusia di kalangan pengguna jalan raya merupakan kehilangan yang besar dalam perolehan sumber manusia di samping kerosakan dan kerugian harta benda.

Daripada paparan Jadual 1.1 di bawah dapat dilihat jumlah populasi penduduk dengan bilangan kes yang terlibat dalam kemalangan jalan raya berbanding dengan kenderaan yang berdaftar serta kerugian yang dialami. Daripada jadual tersebut didapati pada tahun 1981, jumlah populasi di Malaysia ialah 14,128,354 orang dan jumlah kenderaan berdaftar sebanyak 2,901,182 buah kenderaan. Daripada jumlah ini sebanyak 107,552 kenderaan (3.71%) telah terlibat dalam kemalangan jalan raya. Jumlah ini telah meningkat pada tahun 2005. Masing-masing dengan jumlah penduduk sebanyak 26,130,000 orang dengan kenderaan berdaftar sebanyak 15,026,660 buah manakala bilangan yang terlibat dalam kemalangan ialah sebanyak 583,081 kes. Jumlah kenderaan yang terlibat dalam kemalangan dalam tempoh tersebut telah meningkat kepada 486.1 peratus. Manakala kerugian yang dialami pada tahun 1981 ialah sebanyak RM 36,752,697.00 dan meningkat kepada RM 181,346,070.00 pada tahun 1995.

Dilihat dari segi bilangan kes kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian dan kecederaan dalam tempoh 15 tahun pula seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.2 dan Rajah 1.1 di bawah didapati pertambahannya ialah sebanyak 43.15 peratus kes kematian dalam kemalangan jalan raya dari tahun 1991 hingga 2005. Jumlah nahas jalan raya juga bertambah dari 30,107 kes pada tahun 1991 kepada 47,012 kes pada tahun 2005 dengan peningkatan sebanyak 56.13 peratus. Secara keseluruhannya bilangan kes kemalangan jalan raya telah bertambah sebanyak 240.13 peratus daripada 96,513 kes (1991) kepada 328,268 kes (2005) dalam tempoh jangka masa lima belas tahun. Akibat daripada kekerapan kemalangan jalan raya ini seramai **6,200** orang pada tahun 2005

dilaporkan mati berbanding dengan **4,331** orang pada tahun 1991. Manakala bilangan yang cedera pula meningkat daripada 25,776 pada tahun 1991 kepada 47,861 pada tahun 2004 sebelum tuun kepada 35,323 kes pada tahun 2005.

**Jadual 1.1 : Perangkaan Umum Kemalangan Jalan Raya di Malaysia 1981-2005**

Tahun	Populasi	Bilangan Kenderaan Berdaftar	Kenderaan terlibat dalam kemalangan	Jumlah Kemalangan	Jumlah Kerugian Kenderaan harta benda (RM)
1981	14,128,354	2,901,182	107,552	63,192	36,752,697.00
1982	14,506,589	3,246,790	126,474	74,096	46,350,553.00
1983	14,886,759	3,594,943	139,006	79,150	52,482,145.00
1984	15,437,683	3,941,036	140,012	80,526	51,913,518.00
1985	15,866,592	4,243,142	142,653	82,059	50,719,625.00
1986	16,278,001	3,523,674	137,175	79,804	49,224,887.00
1987	16,527,973	3,674,482	131,609	76,882	43,841,039.00
1988	16,921,300	3,865,711	124,922	73,250	45,181,764.00
1989	17,376,800	4,155,197	127,279	75,626	106,514,767.00
1990	17,812,000	4,547,417	146,747	87,999	113,602,255.00
1991	18,178,100	4,942,040	161,823	96,513	114,473,106.00
1992	18,606,000	5,259,836	185,805	118,554	130,200,000.00
1993	19,050,000	5,656,037	220,939	135,995	147,248,690.00
1994	19,494,000	6,166,432	251,686	148,801	164,297,380.00
1995	20,096,700	6,802,375	275,403	162,491	181,346,070.00
1996	21,169,000	7,686,684	325,915	189,109	N.A
1997	21,665,600	8,550,469	373,526	215,632	N.A
1998	22,179,500	9,141,357	366,932	211,037	N.A
1999	22,711,900	9,929,951	390,674	223,166	N.A
2000	23,263,600	10,598,804	400,053	250,429	N.A
2001	23,795,300	11,302,545	438,924	265,175	N.A
2002	24,526,500	12,068,144	460,803	279,237	N.A
2003	25,048,300	12,819,248	506,435	298,653	N.A
2004	25,580,000	13,828,889	535,304	326,817	N.A
2005	26,130,000	15,026,660	583,081	328,268	N.A
*2006	26,680,000	16,224,431	635,081	326,817	N.A

Sumber : Cawangan Trafik, Polis Diraja Malaysia 2006.


\* Nilai ini adalah sebagai unjuran 2006. Nilai sebenar masih belum dikemaskini.

**Jadual 1.2 : Laporan Bilangan Kecelakaan Jalan Raya di Malaysia, 1991-2005.**

Tahun	Nahas dalam kecelakaan jalan raya	Bilangan kecelakaan
-------	-----------------------------------	---------------------

	Kecederaan	Kematian	Jumlah	jalan raya
1991	25,776	4,331	30,107	96,513
1992	31,705	4,557	36,262	118,554
1993	37,020	4,666	41,686	135,995
1994	43,344	5,159	48,503	148,801
1995	46,440	5,712	52,152	162,491
1996	47,171	6,304	53,475	189,109
1997	50,272	6,302	56,574	195,984
1998	49,964	5,740	55,695	210,964
1999	47,269	5,761	53,060	223,116
2000	44,165	6,035	50,200	250,429
2001	44,624	5,849	50,473	265,175
2002	43,595	5,887	49,482	279,237
2003	46,455	6,286	52,741	298,653
2004	47,861	6,223	54,084	326,817
2005	40,812	6,188	47012	328,268

Sumber : Polis Diraja Malaysia 2006.



Rajah 1.1.: Laporan Kemalangan Jalan Raya di Malaysia 1991 hingga 2005.

Sumber : Polis Diraja Malaysia 2006.

Kadar kemalangan jalan raya di Malaysia dikatakan meraih tempat pertama dalam kategori kemalangan maut berbanding 17 negara maju yang lain. Perangkaan

Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Asia Pasifik yang dikeluarkan pada tahun 1998 menunjukkan jumlah kemalangan maut di Malaysia adalah yang tertinggi di dunia selama lima tahun berturut-turut. Malah risiko mati adalah lapan kali ganda lebih tinggi berbanding German dan Finland. (Hatipah Ahmad, 2001). Di Malaysia didapati dalam setiap 10,000 kenderaan terdapat sebanyak 5.83 kematian. Di German, Finland, Amerika Syarikat dan England ialah sebanyak 1.8-1.9 kematian manakala di Jepun dan Singapura pula ialah 2.8 - 4.3 kematian.

Di Malaysia kesedaran dan keprihatinan isu kemalangan jalan raya bermula agak lewat. Kesedaran tentang betapa seriusnya masalah kemalangan ini bermula apabila berlakunya kemalangan jalan raya yang dahsyat di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak pada bulan Jun 1990. (Halimatun, 1991). Kemalangan ini telah meragut 15 nyawa sekaligus dan mencederakan 16 yang lain. Kejadian tersebut telah merintis kepada tertubuhnya satu Jawatankuasa Kabinet di bawah kepimpinan Perdana Menteri yang dikenali sebagai Majlis Keselamatan Jalan Raya untuk meneliti kemalangan jalan raya dan seterusnya mengesyorkan langkah-langkah pengawalan dan pencegahan bagi menurunkan kadar kemalangan jalan raya.

Namun begitu, sebarang usaha dilakukan untuk menyampaikan mesej kempen keselamatan jalan raya melalui media massa tentang perubahan gaya atau cara memandu adalah bergantung kepada pemikiran pengguna jalan raya dan sikap mereka sendiri (George, John & Komonas, 1995). Perlu ditekankan di sini bahawa informasi keselamatan jalan raya yang disiarkan melalui media massa tidak berkesan disebabkan mesej yang disampaikan tidak melibatkan kumpulan sasaran sebenar. Fenomena ini menyebabkan kebanyakan pemandu dan penunggang menganggap bahawa abiliti

pemanduan mereka adalah baik dan meletakkan diri mereka sebagai pemandu yang cekap dan mahir (Allan, Nancy and Adrian 1995). Namun begitu, tidak diketahui bagaimana pengguna jalan raya dapat menilai tentang keselamatan pemanduan mereka kecuali penyelidikan saintifik dijalankan. Pemikiran dan anggapan sebegini secara tidak langsung telah mewujudkan sikap pemanduan tidak selamat. Oleh yang demikian kajian terhadap sikap secara saintifik perlu dilakukan bagi mengkaji dan menganalisis punca sebenar yang mempengaruhi seseorang berkelakuan sedemikian ketika berada di atas jalan raya.

## **1.2. Permasalahan Kajian**

Kemalangan jalan raya merupakan salah satu permasalahan utama yang dialami oleh setiap negara di seluruh dunia. Pakar penyelidik tentang kemalangan jalan raya seperti Jacobs dan Sayer (1983) telah memberi gambaran terhadap permasalahan ini sebagaimana berikut;

- a. Kemalangan jalan raya telah mengakibatkan 300,000 hingga 400,000 kematian setiap tahun.
- b. Di antara 10 juta hingga 15 juta orang telah mengalami kecederaan akibat kemalangan jalan raya sehingga 1982
- c. Risiko kecederaan dan kematian adalah tertinggi jika dibandingkan dengan kemalangan lain;
- d. Kemalangan jalan raya telah mengakibatkan sebanyak 10% peruntukan katil dikhaskan di hospital;
- e. Selain daripada mengalami tekanan emosi dan kecederaan fizikal, kemalangan jalan raya juga mengakibatkan kerugian harta benda individu dan masyarakat. Dianggarkan setiap negara membangun kehilangan lebih



kurang 1% daripada Pendapatan Kasar Negara (GNP) akibat kemalangan jalan raya.

Di Malaysia, kejadian kemalangan jalan raya turut membawa implikasi pelbagai aspek sosio-ekonomi. Kehilangan nyawa, kacacatan dan kecederaan yang dialami di kalangan pengguna jalan raya menyebabkan kehilangan kualiti kehidupan dan juga sumber tenaga manusia terutama di kalangan golongan pekerja yang merupakan sumber produktiviti negara.

Mengapakah kemalangan jalan raya terus berlaku ? Setiap kemalangan jalan raya yang berlaku mempunyai hubungkait dengan faktor manusia, mekanikal, kenderaan, jalan raya dan faktor cuaca dan haiwan. Antara faktor-faktor tersebut, faktor manusia merupakan faktor yang dominan dengan menyumbang kira-kira 85% hingga 98% jumlah kes kemalangan jalan raya (Lay:1988; Shinar:1978; Sivak: 1981; Forbes:1972; Grime:1987). Menurut England (1981), faktor ralat manusia telah menyumbang sebanyak 95% daripada kadar kemalangan jalan raya. Bagi Mc Kenna pula (Daniell & Teresa :1998), mendapati 90% daripada semua kemalangan adalah disebabkan kesilapan dan kesalahan manusia. Di Malaysia, sebanyak 94% daripada kemalangan jalan raya yang berlaku adalah berpunca daripada kecuaiannya pemandu sendiri (Aminuddin Adnan, 1989). Maka itu, sememangnya benar bahawa ralat manusia menyumbang peratusan yang tinggi dalam kes kemalangan jalan raya. Dalam faktor manusia, sikap pengguna jalan raya dikatakan penyebab utama. Pihak kerajaan, para pemimpin negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan bersepakat menyatakan bahawa perubahan sikap pengguna jalan raya merupakan syarat utama untuk mengatasi dan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini.

Sikap buruk seperti tidak berdisiplin, tidak bertimbang rasa, angkuh, mahu cepat sampai, tidak sabar, agresif dan gagal menghormati undang-undang adalah antara sikap negatif yang membawa kepada kemalangan jalan raya. Selain itu, sikap negatif lain yang boleh membahayakan diri pemandu dan juga pengguna jalan raya yang lain disenaraikan seperti berikut :

- a. Pemandu kenderaan berat dan ringan yang suka memecut dan mengekori terlalu rapat, membrek serta-merta, membelok tanpa isyarat, memotong di kawasan selekoh, memotong di sebelah kiri, gagal memakai tali pinggang keledar, meletak kenderaan di bahu jalan secara bahaya, cuai dan tidak bertimbang rasa.
- b. Penunggang motosikal yang gemar mencelah antara kenderaan, memotong di sebelah kiri, berlumba di jalan raya, menunggang tanpa lampu pada waktu malam atau cuaca gelap, tidak memakai topi keledar dan menunggang di lorong laju walaupun kenderaan tidak mempunyai kuasa yang tinggi.
- c. Pejalan kaki yang sering melintas secara melulu, melintas sesuka hati (jay walking) dan melintas jalan tanpa menggunakan laluan melintas (zebra crossing).


Pelbagai usaha dilakukan untuk mengubah sikap pengguna jalan raya. Umpamanya melalui kempen informasi awam dan pendidikan pemandu, penguatkuasaan undang-undang, menaikkan denda saman dan sebagainya. Tetapi kesemua usaha ini kurang berkesan dan jauh daripada mencapai matlamat sebenar.

Oleh itu, sudah tiba masanya kajian tentang sikap dan pertaliannya dengan kemalangan jalan raya secara saintifik dijalankan untuk mencari dan mengenal pasti permasalahan yang timbul dan seterusnya mencadangkan pelan tindakan yang berkesan bagi mengatasi dan mengawal kadar kemalangan jalan raya. Untuk itu penyelidikan terhadap sikap pengguna jalan raya adalah penting bagi mengkaji mengapa dan bagaimana sikap itu terbentuk dan boleh berubah serta mempengaruhi gaya pemanduan yang akhirnya berlaku kemalangan jalan raya.

Setakat ini secara khususnya kajian terhadap hubungan antara sikap pengguna dengan kemalangan jalan raya masih tidak dilaksanakan sepenuhnya di negara ini. Sebaliknya kajian lebih tertumpu kepada analisis bilangan kemalangan jalan raya secara berkala dengan sokongan faktor-faktor penyebab yang umum tanpa merujuk faktor sikap pengguna jalan raya sebagai salah satu penyumbang utama kemalangan jalan raya di negara ini. Dengan ini sudah sampai masanya kajian terperinci terhadap sikap pengguna jalan raya dilakukan di negara ini dengan merujuk negeri Melaka sebagai kajian kes.

Bagi kes negeri Melaka pertambahan bilangan kenderaan secara mendadak menyebabkan aliran trafik mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk terutama pada waktu kemuncak. Keadaan ini menyebabkan pola pergerakan kenderaan tidak terkawal dan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. Ekoran daripada situasi ini menyebabkan sebahagian daripada pemandu akan berubah sikap menjadi agresif dan hilang kesopanan serta tidak bertimbang rasa. Keadaan ini sebahagiannya telah menyumbang kepada kejadian kemalangan jalan raya di negeri Melaka (Rajah 1.2). Didapati pada tahun 1991, jumlah kemalangan jalan raya di negeri ini sebanyak 2,992 kes dan telah meningkat

kepada 8,195 kes dalam tempoh sepuluh tahun dan seterusnya telah meningkat kepada 10,797 kes pada tahun 2006 dengan peningkatan sebanyak 260 peratus dalam tempoh enam belas tahun.



Rajah 1.2 : Kemalangan Jalan Raya di Melaka dari 1991 - 2006  
 Sumber : Ibu Pejabat Kontinjen Polis Melaka 2007.

Di samping itu, terdapat juga isu terlalu banyak lampu isyarat di kawasan bandaraya dan di kawasan persekitarannya dengan jarak 200-500 meter satunya. Ditambah pula dengan isu dan permasalahan projek pembinaan jalan raya memakan masa yang lama dengan laluan yang sempit berbahaya secara tidak langsungnya telah memberi tekanan kepada pemandu dan pengguna jalan raya yang lain. Sementara itu, isu dan masalah pembangunan yang mengabaikan kepentingan sistem pengangkutan jalan raya tanpa mengambil kira keadaan dan ciri-ciri jalan raya, tempat letak kereta dan kesempitan jalan raya telah menyebabkan kesesakan lalu lintas yang akhirnya membawa

kepada tekanan, kemarahan, ketegangan, hilang kesabaran dan perubahan sikap pemandu itu sendiri. Kesemua isu dan permasalahan ini merupakan sebahagian punca utama sebenar yang membawa kepada kemalangan jalan raya yang perlu dikaji dan dicari cadangan penyelesaian segera sebelum keadaan menjadi lebih serius lagi.

### **1.3. Matlamat Kajian**

Matlamat utama kajian ini ialah untuk mengkaji tentang sikap pengguna jalan raya dan hubungannya dengan kemalangan jalan raya. Ini disebabkan kebanyakan kajian yang lepas lebih tertumpu kepada kesalahan-kesalahan pemandu tetapi kurang memberi perhatian terhadap perubahan sikap pemandu. Diharapkan melalui kajian ini akan menjawab persoalan tentang apakah hubungan kemalangan jalan raya dengan sikap pemandu dan apakah jenis sikap yang berhubungkait dengan pemandu yang cenderung kepada berlakunya kemalangan jalan raya (prone Accident) serta bebas daripada kemalangan jalan raya (Free Accident). Untuk ini matlamat kajian di atas dapat dicapai jika perkara berikut dilaksanakan :

- 1.3.1. Membezakan pelbagai ciri sikap pengguna jalan raya sebagai asas utama dalam keselamatan jalan raya.
- 1.3.2. Mencari pelbagai faktor penentu yang mempengaruhi sikap pengguna jalan raya yang berkecenderungan berlakunya kemalangan jalan raya.
- 1.3.3. Membentuk pelan tindakan dan strategi serta langkah-langkah penyelesaian terhadap permasalahan kemalangan jalan raya dalam tempoh jangka pendek dan panjang.

Diharapkan dengan siapnya laporan kajian ini nanti dapat dimanfaatkan pengetahuannya yang secara tidak langsung dapat digunakan dalam proses pencegahan

dan perancangan bagi pengawalan isu kemalangan jalan raya khususnya di Melaka dan Malaysia amnya.

#### **1.4 . Objektif Kajian.**

Dalam mengkaji isu kemalangan jalan raya dan hubungannya dengan sikap pengguna jalan raya, sebanyak empat objektif kajian telah ditetapkan seperti berikut :

- 1.4.1. Mengkaji kepentingan sifat-sifat sikap pengguna jalan raya terhadap keselamatan jalan raya.
- 1.4.2. Mengkaji punca-punca yang mempengaruhi sikap pemandu yang memandu laju sehingga mengakibatkan kemalangan jalan raya.
- 1.4.3. Mengkaji perhubungan antara umur, pengalaman, tahap pendidikan dan jantina pemandu dengan kemalangan jalan raya.
- 1.4.4. Mencadangkan garis panduan dan langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah keselamatan jalan raya.

#### **1.5. Skop Kajian**


Skop utama penyelidikan ini ialah mengkaji sejauh mana hubungan antara sikap pengguna jalan raya dengan kemalangan jalan raya. Kajiannya meliputi sifat-sifat sikap pemandu yang berkecenderungan terlibat dalam risiko kemalangan jalan raya dengan mengambil kira aspek tekanan masa, keseronokan, cabaran, luat memandu dan ingin mencapai kepuasan memandu. Selain itu kesan sampingan sikap pemandu terhadap kemalangan jalan raya juga turut dikaji yang disebabkan faktor manusia yang melibatkan aspek umur, jantina, pengalaman dan tahap pendidikan pemandu. Kesemua faktor ini dijadikan sasaran untuk diambil tindakan oleh pihak berkuasa dan penyelamat dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Diharap hasil penyelidikan ini dapat

ditonjolkan maklumat dan sumber data yang penting tentang sikap pengguna jalan raya yang disabitkan dengan kemalangan jalan raya.

Untuk ini, subjek yang dipilih di dalam penyelidikan ini ialah kriterium lelaki dan wanita yang mempunyai lesen memandu kelas 'B' , 'D' dan 'E' yang terdiri daripada pemilik kenderaan dan pemandu lain berumur di antara 16 hingga 60 tahun.

Secara kajian kes, penyelidikan ini dijalankan di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah. Keluasan negeri Melaka ialah 600 KM persegi dan kajiannya meliputi seluruh negeri Melaka dengan melibatkan tiga buah daerah iaitu Daerah Alor Gajah, Daerah Melaka Tengah dan Daerah Jasin (Peta 1). Faktor geografi dan sistem aliran lalu lintas bagi ketiga-tiga daerah tersebut adalah berbeza yang menggambarkan cara hidup dan budaya yang berbeza termasuk pengalaman memandu, persekitaran jalan raya dan keadaan jalan raya. Dengan ini perbandingan boleh dibuat dan seterusnya memahami dengan lebih mendalam terhadap sikap dan faktor-faktor yang melibatkan keselamatan jalan raya di kawasan kajian.

Peta 1: Daerah-Daerah Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah



Sumber : Diubahsuai daripada Rancangan Struktur Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, 1991-2010

## 1.6. Hipotesis Penyelidikan

Bagi melengkapkan penyelidikan ini beberapa hipotesis telah dibentuk seperti berikut :

### 1.6.1. Hipotesis Satu.

Terdapat hubungan yang rapat di antara sifat sikap pengguna jalan raya dengan kemalangan jalan raya.

### 1.6.2. Hipotesis Dua.

Terdapat hubungan yang rapat di antara kelajuan dengan kemalangan jalan raya.

### 1.6.3. Hipotesis Tiga.

Terdapat hubungan yang rapat di antara pengalaman, umur, tahap pendidikan dan jantina pemandu kaitan dengan risiko kemalangan jalan raya.



## **1.7. Kepentingan Penyelidikan**

Penyelidikan ini mempunyai beberapa kepentingan yang dapat disenaraikan seperti berikut.

### **1.7.1. Kesignifikanan Penyelidikan**

Berdasarkan pernyataan permasalahan yang dinyatakan di atas, diharapkan hasil keputusan penyelidikan ini dapat mengatasi masalah keselamatan jalan raya atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negeri ini. Jika penyelidikan ini dapat menunjukkan perhubungan yang signifikan di antara bentuk sikap dengan kemalangan jalan raya, maka punca-punca dominan yang menyebabkan kemalangan jalan raya dapat diketahui.

Garis panduan yang dihasilkan daripada penyelidikan ini nanti dapat membantu dan digunakan oleh pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya dan pihak-pihak lain dalam mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya di Melaka dan di Malaysia amnya. Ini akan dapat membantu pihak kerajaan dalam mengurangkan peratusan kemalangan jalan raya selaras dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang menetapkan sasaran untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya kepada 4.5% pada tahun 2005 dan seterusnya menurunkan kepada 3.5% pada tahun 2010 dan 2.7% pada tahun 2015 sehingga akhirnya sebanyak 1.2% menjelang tahun 2020.

Sehubungan itu, hasil dapatan penyelidikan ini dapat dijadikan panduan oleh pelbagai pihak dan penyelidik lain sebagai rujukan atau 'literature review' bagi menjalankan penyelidikan yang berkaitan selanjutnya. Ini memandangkan penyelidikan berbentuk saintifik yang melibatkan sikap pemandu dan hubungannya dengan kemalangan jalan raya masih belum dijalankan di Malaysia.

#### 1.7.2 Kepentingan Terhadap Masyarakat Umum

Faktor manusia merupakan salah satu faktor penting yang menyebabkan kemalangan jalan raya. Kadar kemalangan terus meningkat disebabkan kecuai dan kelalaian semasa memandu dan sebahagian yang lain disebabkan kurangnya pemahaman masyarakat terhadap sikap bertanggungjawab, timbang rasa dan kesabaran semasa berada di jalan raya. Dengan ini diharapkan penyelidikan ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat umum untuk menangani masalah kemalangan jalan raya dengan memandu secara tertib, sopan dan waspada. Dengan ini mereka dapat berdisiplin dan bersabar ketika memandu, memberi perhatian sepenuhnya terhadap pengguna yang lain, berhati-hati semasa berada di jalan raya dan sentiasa mengingati cogan kata "Pandu Cermat Jiwa Selamat". Sikap suka menyalahkan pihak lain dan tidak mahu bertimbang rasa serta tidak bertolak ansur dan bertanggungjawab haruslah dikikis dan kepada pemandu yang bersikap suka memandu laju haruslah ingat bahawa 'better late than dead on time'.

Di samping itu, kepentingan penyelidikan ini juga untuk melihat sejauh mana sikap dan peranan masyarakat setempat mengambil langkah

mengatasi dan mengurangkan kes kemalangan jalan raya. Seterusnya diharapkan penyelidikan ini dapat menyedarkan orang ramai supaya berhati-hati semasa di jalan raya dan menjaga keselamatan orang lain, menghormati undang-undang jalan raya dan sama-sama berusaha ke arah membentuk pengguna jalan raya yang berhemah, berdisiplin dan bertanggungjawab.

#### 1.7.3. Dasar dan Peranan Kerajaan Tempatan.

Pembangunan ekonomi negara yang semakin pesat telah menyumbang kepada peningkatan kuasa beli rakyat. Semakin ramai rakyat kini mampu memiliki kenderaan sendiri. Malah sebahagiannya memiliki lebih daripada sebuah kereta dan menjadi sesuatu yang tidak asing bagi masyarakat Malaysia termasuk juga di negeri Melaka. Pertambahan pemilikan kenderaan persendirian yang berlipat kali ganda menjadi faktor utama mendorong kepada penggunaan jalan raya yang maksimum sehingga membawa kepada kesesakan lalu lintas. Pertambahan bilangan kenderaan bererti penggunaan ruang di jalan raya semakin meningkat. Rangkaian jalan yang dibina kebelakang ini tidak dapat menampung jumlah kenderaan yang bertambah pada setiap tahun. Pertambahan kenderaan juga tidak seimbang dengan pembesaran dan pembaikan jalan raya. Kadar pembinaan jalan raya yang baru adalah rendah berbanding pertambahan bilangan kenderaan. Keadaan ini sebahagiannya merupakan punca perubahan tingkahlaku pemandu yang secara tidak langsung menyebabkan pertambahan kemalangan jalan raya.

Dengan ini kepentingan penyelidikan ini diharapkan dapat membantu pihak penguasa tempatan dalam membentuk dasar bagi mencari jalan penyelesaian. Selain itu kajian ini juga diharap dapat membantu pihak perancang dalam membuat perancangan pembangunan yang seimbang dengan mengambil kira faktor-faktor persekitaran jalan raya, lokasi, kegiatan ekonomi, tempat letak kereta, sistem jalan dan aktiviti sosial yang menyeluruh dan komprehensif. Dengan ini dasar dan peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan tempatan bukan sahaja dapat mengatasi kerumitan yang sering dihadapi malah dapat mempertingkatkan lagi mutu dan nilai kehidupan masyarakat di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah ini.

### **1.8. Had-had Kajian.**

Dalam proses penyelidikan ini bermula daripada peringkat permulaan kajian sehinggalah ke penulisan laporan awal, pengkaji menghadapi berbagai-bagai rintangan dan kesulitan. Dalam proses untuk pengumpulan data terutama data kemalangan jalan raya di Malaysia dan Melaka adalah sukar didapati. Pengkaji terpaksa berulang alik berkali-kali ke Cawangan Polis Trafik Melaka dan Cawangan Polis Trafik di Bukit Aman untuk mendapatkannya. Begitu juga bagi mendapatkan data daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Melaka dan Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Majlis Keselamatan Jalan Raya Melaka.

Selain itu ketiadaan peruntukan kewangan menyebabkan pengkaji terpaksa membelanjakan sejumlah wang sendiri yang membebankan. Kajian ini juga memakan masa yang lama ditambah pula dengan kerjasama yang kurang daripada jabatan-jabatan

tertentu dan bagitu juga dengan responden yang sambil lewa. Kesemua ini merupakan batasan yang dihadapi pengkaji.

Dalam memperoleh maklumat sekunder penyelidik merujuk kepada kajian-kajian yang dilakukan oleh pakar-pakar luar seperti yang terdapat dalam "*Journal of Road Safety Research*" dan "*Accident Analysis and Prevention*" serta "*Journal of International Association of Traffic and Safety Sciences*" sebagai panduan dalam pembentukan soalan-soalan soal selidik. Soalan-soalan seperti yang terdapat dalam "*Driver Behaviour Questionnaire (DBQ)*" (Dianne, Lorraine, Patrick, Paul 2000), "*Why Driver Speed*" (Steve, Portia and Pat, 1997), "*A Survey of Drivers' Attitudes Toward Speed Limit Violations*" (George, John and Kimonas, 1995) dan "*Attitudes and Road Accident Risk*" (Terje, 1997) telah dirujuk dan diubahsuai dalam pembentukan soalan-soalan soal selidik.

## **1.9. Rumusan.**

Bab ini merupakan pengenalan dengan cuba melihat dan menerangkan tentang betapa seriusnya masalah kemalangan jalan raya ketika ini. Daripada data yang diperoleh telah menunjukkan keadaan yang membimbangkan kepada semua pihak. Dalam tempoh sepuluh tahun, nyawa yang terkorban akibat nahas jalan raya telah meningkat daripada 4,331 pada tahun 1991 kepada 6,200 pada tahun 2005. Dengan kata lain kadar kematian dan kemalangan akibat kemalangan jalan raya bagi setiap 10,000 kenderaan pada tahun 2005 ialah 4.18 kes dan 220.6 kes. Antara punca utama kemalangan jalan raya ialah faktor manusia. Faktor manusia dikatakan menyumbang sebanyak 90 hingga 95 peratus dalam kemalangan jalan raya. Sikap pengguna jalan raya atau pemandu yang tidak mahu bertolak ansur, tidak bertimbang rasa, tidak sabar, agresif dan sebagainya bukan setakat

membabitkan nyawa manusia malahan mengakibatkan kerosakan harta benda dan kerugian yang berjuta-juta ringgit yang terpaksa ditanggung oleh mangsa dan juga pihak kerajaan. Oleh itu usaha ke arah mengenalpasti punca kemalangan jalan raya yang berhubung dengan sikap pengguna jalan raya perlu dijalankan secara terperinci. Justeru itu amat wajarlah ketika ini untuk mengkaji aspek kemalangan jalan raya dan hubungannya dengan sikap pengguna jalan raya bagi mencari jalan untuk mengatasinya.

Dalam bab ini juga pengkaji telah menyatakan matlamat dan objektif kajian. Pengkaji telah menetapkan matlamat utama dan empat objektif bagi melihat proses-proses kajian kemalangan jalan raya. Selain daripada itu, tiga hipotesis utama dibina untuk melihat pertalian di antara sikap pengguna jalan raya ketika memandu dengan kecenderungannya untuk terbabit dalam kemalangan jalan raya. Dari segi kepentingan penyelidikan pula, ia dinyatakan dalam tiga kategori iaitu yang pertama dari segi kesignifikan penyelidikan, kedua berhubung dengan kesedaran masyarakat dan orang awam dalam mencegah kemalangan dan yang ketiga berkait dengan peranan dan dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan tempatan atau pihak berkuasa bagi mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya.

Akhirnya walaupun kemalangan jalan raya berlaku mengikut kebarangkalian melalui lebih penduduk dan kenderaan di jalan raya, namun pengguna jalan raya masih berupaya mengawal angka kemalangan daripada terus meningkat. Oleh itu, pendekatan saintifik perlulah diambil kira bagi mencegah berlakunya kecelakaan jalan raya. Kita tidak harus menyalahkan sesuatu pihak semata-mata kerana berlaku sesuatu kemalangan tetapi apa yang harus masyarakat fikirkan ialah sejauh mana tanggungjawab diri mereka

ke arah menyahut seruan kerajaan dalam menangani dan seterusnya mengurangi nahas di jalan raya.

## **Bab 2**

### **SIKAP PENGGUNA DAN HUBUNGANNYA DENGAN KETERLIBATAN DALAM KEMALANGAN JALAN RAYA : TINJAUAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.1. PENDAHULUAN**

Kajian kemalangan jalan raya banyak dijalankan oleh para penyelidik sama ada dari dalam negeri mahupun luar negara. Kemalangan jalan raya telah menjadi fokus utama di sesebuah negara termasuk juga di Malaysia. Pelbagai kajian telah dijalankan untuk mencari punca sebenar kejadian kemalangan jalan raya. Untuk ini kajian yang menggunakan pendekatan saintifik lebih mencerminkan fenomena sebenar dalam membuktikan bagaimana, kenapa dan punca sebenar menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya. Dengan ini kajian ini cuba meninjau secara menyeluruh yang melibatkan maklumat sekunder di peringkat global, negara dan tempatan.

#### **2.2 Kepelbagaian Definisi dan Konsep Terpilih.**

Sebelum kajian ini dijalankan beberapa definisi dan konsep telah dikenalpasti sebagaimana berikut.

##### **2.2.1. Definisi dan Konsep Kemalangan Jalan Raya**

Kemalangan jalan raya dapat didefinisikan sebagai suatu kejadian yang tidak diingini berlaku akibat hilang kawalan pemanduan sehingga menyebabkan kecederaan (Heirich dan Peterson, 1980). Manakala National Safety Council (Petikan Shinar: 1978) pula mendefinisikan kemalangan jalan raya sebagai satu kejadian yang tidak diduga dengan tidak semestinya menyebabkan kecederaan atau kerosakan. Bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM; 1998) kemalangan jalan raya sebagai satu kejadian yang berlaku di jalan awam atau persendirian yang berpunca sama ada daripada kecuai



atau kegagalan mana-mana pihak yang melibatkan aspek pemanduan, perlakuan, keadaan jalan raya dan persekitaran yang mengakibatkan apa jua bentuk pelanggaran termasuk kes terbabas atau pelanggaran mangsa sama ada di dalam kenderaan atau di luar kenderaan itu sendiri.

Daripada definisi di atas dapat dirumuskan bahawa kemalangan jalan raya itu sebagai satu kejadian yang tidak diduga akibat hilang kawalan pemanduan yang boleh membawa kerosakan, kecederaan atau kematian yang berpunca daripada tingkahlaku pengguna jalan raya yang tidak selamat, keadaan jalan dan sistem jalan raya yang tidak selamat.

### ***2.2.2. Definisi dan Konsep “Sikap”***

Sikap dan perubahan sikap pengguna jalan raya merupakan satu aspek yang utama dalam isu kemalangan jalan raya. Bagi mengetahui mengapa dan bagaimana sikap itu terbentuk dan boleh berubah serta bagaimana pula sikap itu sebenarnya mempengaruhi tingkahlaku, maka definisi konsep sikap perlu dibincangkan.

#### ***2.2.2.1 Apa Itu Sikap ?***

Pengertian terhadap konsep sikap adalah amat luas maksudnya. Bagi memahami maksud sebenar tentang sikap diperturunkan beberapa definisi sebagaimana berikut :

Allport (1953) telah mendefinisikan sikap sebagai keadaan persediaan mental dan fizikal individu melalui pengalaman yang mewujudkan arahan atau pengaruh dinamik ke atas tindakbalas individu itu sendiri pada semua keadaan dan persekitaran. Menurut beliau sikap adalah hampir sama dengan ciri-ciri personaliti. Jika diambil

satu definisi yang luas tentang personaliti, ia boleh difahami bahawa sikap merupakan sebahagian daripada personaliti yang perbezaan ciri-cirinya akan mempengaruhi tingkahlaku yang berbeza.

Oskamp (1977) menyatakan bahawa definisi sikap itu berbeza mengikut perspektif bidang Sains Sosial. Menurut beliau sikap merupakan perwatakan seseorang (*Person's bodily position*) dan juga sebagai perwatakan pemikiran seseorang (*person's posture of mind*).

Pada pendapat lain sikap boleh dilihat melalui tindakan atau percakapan seseorang (Evens:1965). Sikap adalah bergantung kepada persekitaran yang menjadi rujukan seseorang.

Bagi Krech dan Guehlfleid (1948) pula mengatakan sikap itu sebagai gabungan antara motivasi, emosi, persepsi dan proses kognitif yang berlaku secara berterusan. Sikap juga bukanlah sesuatu yang tersedia wujud sejak dilahirkan tetapi perlu dipelajari, dibentuk dan dikembangkan melalui pengalaman. Sikap bersedia untuk berubah dan dengan itu ia bersifat dinamik. Namun begitu sikap tidak dapat dilihat tetapi mempunyai ciri berkecenderungan untuk bertindak.

Triandis (Vasudevan, 1991) pula mendefinisikan sikap sebagai satu idea berkaitan dengan emosi yang mempengaruhi satu kelas tindakan kepada satu kelas situasi sosial tertentu. Menurut beliau satu unsur biasa di dalam kebanyakan definisi tentang sikap adalah kesediaan untuk bertindak balas terhadap sesuatu situasi. Tambahan lagi sikap dianggap sebagai ketahanan tetapi boleh diubah dan boleh dipelajari tanpa diwujudkan